09/05/2001

Memartabatkan kerjaya perguruan

Mohd Hanif Mat Nor

SELAMAT Hari Guru kepada semua warga pendidik di seluruh pelosok negara. Tema Hari Guru pada tahun ini ialah Memartabatkan Profesion Perguruan Tanggungjawab Bersama. Tema dipilih kali ini tidak jauh berbeza dari segi maksudnya dengan tema 2000 iaitu Bersatu Memartabatkan Profesion Keguruan.

Setiap kali tiba 16 Mei setiap tahun, negara akan menyambut Hari Guru. Tahun ini sambutan peringkat kebangsaan akan diadakan di Melaka. Penghormatan diberikan kepada semua insan bergelar guru kerana sambutan kali ini juga akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Cuma kelainan yang nyata, pada kali ini perayaan hari guru peringkat kebangsaan dilangsungkan pada waktu malam. Kemeriahan dijangka lebih hebat, terutama dari sudut hiasan dan cahaya yang gilang-gemilang.

Selepas negara merdeka, fungsi guru berubah dari perjuangan membangkitkan semangat nasionalisme dan menuntut kemerdekaan kepada mengisi kemerdekaan itu sendiri. Oleh itu, fungsi guru dilihat lebih mencabar dan profesion perguruan juga memerlukan kelulusan serta kemahiran tinggi. Guru hari ini bukan lagi terhad sebagai pendidik, malah dianggap mampu memikul tanggungjawab lebih besar serta mencabar.

Jika diteliti, tema sambutan hari guru kali ini meminta semua pihak agar mengangkat, memuliakan dan memandang tinggi profesion perguruan. Pemilihan tema ini dikira tepat kerana pandangan masyarakat terhadap profesion perguruan semakin menurun. Buktinya, banyak kes yang membabitkan timbulnya rasa kurang hormat kepada insan bergelar guru. Mengapakah berlaku perkara ini? Mengapa pula masyarakat dulu memandang tinggi serta hormat pada guru? Adakah kerana kemajuan yang dicapai menyebabkan manusia tidak lagi menghargai jasa dan bakti yang ditaburkan? Atau faktor negatif guru sendiri menyebabkan masyarakat tidak lagi memandang tinggi kepada mereka?

Jika dilihat dalam kamus Dewan, maksud profesion atau iktisas adalah merujuk kepada pekerjaan, khasnya yang memerlukan pendidikan tinggi dan latihan khas. Mungkin ramai guru tidak menyedari mereka adalah golongan profesional kerana memiliki kriteria tertentu yang tidak dimiliki sektor pekerjaan lain. Untuk diiktiraf profesional seseorang yang layak menjadi guru memerlukan pendidikan dan latihan khas. Profesion guru juga satu pekerjaan penting dan diperlukan oleh masyarakat dan guru juga seharusnya memiliki pengetahuan dan kemahiran tinggi bagi menjalankan tugas.

Nilaitara lain melayakkan kerjaya guru dikira profesional seperti mempunyai kuasa atau autonomi dalam membuat keputusan dan perlu diselia, lebih mementingkan perkhidmatan daripada ganjaran kewangan, ada badan atau organisasi yang menjaga kedudukan sosial dan ekonomi ahli-ahlinya.

Mengambil pendapat Edgar H Scheir (1968), mengatakan tiga ciri utama melayakkan sesuatu golongan diiktiraf profesional. Ciri itu ialah membuat keputusan berdasarkan prinsip dalam bidang, status profesional dicapai melalui prestasi kerja dan mempunyai sat kod etika yang ketat. Ciri yang pertama meminta guru menjalankan tugas berlandaskan peraturan yang ditetapkan.

Maksudnya, kuasa guru termaktub dalam peraturan dan guru hanya boleh bertindak dalam garis panduan tertentu. Begitu juga dengan prestasi kerja dinilai bagi menentukan kekananan jawatan atau kenaikan pangkat. Guru juga tertakluk kepada kod etika ditetapkan seperti bertanggungjawab terhadap pelajar, tanggungjawab terhadap ibu bapa, masyarakat dan negara, serta tanggungjawab terhadap rakan sejawat dan profesion perguruan.

Semua pihak sama ada kerajaan, masyarakat, pelajar serta pihak guru itu

sendiri hendaklah memartabatkan profesyen perguruan agar timbul rasa hormat pada guru. Sikap hormat ini diharap dapat mengurangkan salah laku membabitkan maruah guru tercemar. Banyak langkah diambil kerajaan, khasnya Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan profesion perguruan. Latihan perguruan peringkat Sijil Perguruan ditukarkan kepada peringkat Diploma Perguruan dengan menetapkan gaji permulaan melebihi RM900. Dari segi kenaikan pangkat, peluang lebih terbuka dengan wujudnya jawatan baru seperti guru pakar, pengetua cemerlang dan kenaikan gaji melalui sistem time-based.

Dalam meningkatkan ilmu guru, peluang diberikan kepada guru yang ingin menyambung pelajaran ke pusat pengajian tinggi dan memberi biasiswa bagi melanjutkan pelajaran pada peringkat Sarjana dan Kedoktoran (Ph.d). Lebih membanggakan lagi, ada Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) bagi melahirkan ramai guru siswazah dalam pelbagai bidang. Demi menjaga kebajikan guru, penubuhan Bank Guru, Koperasi Guru dan Kesatuan Guru dijangka dapat memberi kemudahan kepada golongan guru.

Bagi guru ditempatkan bertugas di bandar besar atau di kawasan pedalaman pula, rumah guru dibina secara berperingkat demi menjaga kebajikan guru. Selain itu Kursus Kepengetuan dijalankan dengan mengambil guru muda yang berusia 30 hingga 40 tahun untuk dilatih menjalani kursus kepemimpinan bagi menjawat jawatan guru besar atau pengetua.

Apakah pula fungsi masyarakat ke arah memartabatkan profesion perguruan? Masyarakat dilihat berfungsi besar dalam mencorakkan penerimaan atau penolakan terhadap guru. Tanggapan masyarakat terhadap guru harus diperbetulkan. Sikap memandang tinggi pada kerjaya guru harus ditanam pada jiwa anak. Jika tidak akan timbul sikap tidak hormat kerana mereka diasuh membenci guru. Sikap saling curiga-mencurigai akan timbul. Pelajar dengan mudah mengambil tindakan melulu terhadap guru.

Ibu bapa perlu sentiasa berhubung dengan pihak guru bagi menyelesaikan masalah yang timbul. Jika perkara kecil terus diambil tindakan awal, kemungkinan masalah besar dalam hubungan guru murid dapat diatasi dengan mudah. Ibu bapa juga perlu meluangkan masa untuk bersama anak-anak dalam sebarang program dianjurkan sekolah untuk memastikan ada hubungan baik tiga pihak iaitu sekolah, ibu bapa dan pelajar. Cara begini mengelakkan sikap terburu-buru menyalahkan mana-mana pihak apabila berlaku perkara tidak diingini.

Ibu bapa sepatutnya tidak mudah melatah dengan tindakan diambil demi mendidik anak mereka. Biasanya segala tindakan diambil berlandaskan peraturan sekolah dan dimaklumi kepada pentadbir sekolah serta ibu bapa pelajar. Sebarang rungutan pelajar harus diteliti dan dikaji sebelum mengambil tindakan seperti membawa kes ke mahkamah.

Guru sendiri perlu mengetahui fungsinya sebagai pendidik. Tugas guru berubah mengikut zaman. Zaman sebelum merdeka, zaman kini dan zaman menuju Wawasan 2020 tentunya tidak sama. Mereka seharusnya pandai menyesuaikan tugas mereka. Tugas guru dilihat semakin bertambah sesuai dengan perubahan zaman. Fungsi guru kini dilihat sebagai perancang, pembimbing, pengurus, penyampai ilmu, pelaksana kurikulum, pengembang kemahiran, pembentuk akhlak pelajar, penilai prestasi pelajar, menjadi contoh kepada pelajar, selain bertindak sebagai sarjana atau penyelidik dan ejen pelaksana Falsafah Pendidikan Negara.

Bagi memenuhi Wawasan 2020, fungsi guru lebih mencabar. Guru adalah ejen utama dalam membentuk semangat perpaduan pelajar melalui mata pelajaran Pendidikan Islam, Moral atau Sejarah. Pemupukan semangat perpaduan di bangku sekolah penting agar lahir semangat saling memahami dan bersatu padu apabila mereka keluar dari alam persekolahan nanti.

Nilai murni harus dipupuk di kalangan pelajar merentas kurikulum dan amalan hidup. Pemupukan nilai murni dijangka dapat melahirkan pelajar yang

memahami serta bertolak ansur antara satu sama lain. Pelajar generasi baru juga perlu didedahkan dengan semangat untuk meneroka, mereka cipta sesuai dengan perkembangan teknologi terkini agar mereka tidak ketinggalan zaman. Perkembangan teknologi maklumat perlu didedahkan kepada pelajar.

Dalam menuju Wawasan 2020 juga, pelajar perlu ditanam rasa cinta yang mendalam terhadap negara. Apabila timbul rasa sayang kepada negara diharapkan mereka tidak sewenang-wenang merosakkan harta kerajaan kerana menganggap kemudahan disediakan adalah milik bersama. Amalan membaca dan menimba ilmu sepanjang zaman perlu dididik serta guru patut menjadi model kepada pelajar.

Dalam mengangkat martabat guru di mata masyarakat, pelbagai pihak harus memandang kerjaya guru adalah suatu profesyen yang perlu dihormati, disanjung serta dihargai. Sikap memandang rendah pada kerjaya guru menyebabkan timbul rasa kurang hormat masyarakat sendiri seterusnya menyebabkan pelajar juga turut tidak menghormati guru. Guru sendiri seharusnya bertindak sebagai guru yang unggul dan cemerlang agar dapat memenuhi kehendak pelajar, masyarakat serta negara. Pihak kerajaan dari masa ke semasa harus mengkaji kebajikan guru agar status guru di mata masyarakat meningkat selaras dengan khidmat diberikan.